

01/10/1999

Mesyuarat orang gila

Mokhtar Alias

WALAUPUN hasrat membawa penyanyi kumpulan Elite, Azzarima Zawari (Azza) berlakon dalam teater Konvensyen Gila tidak kesampaian, pengarahnya, Nasir Ali menjanjikan kepuasan kepada peminat teater apabila menyaksikan persembahan mereka kelak.

Sambil mengakui masalah kewangan yang menyebabkan mereka tidak dapat membawa Azza, manakala Sabri Yunus pula ada ikatan dengan pihak lain pada masa yang sama, mereka membariskan pelakon teater yang pernah menerima pelbagai anugerah pertandingan dan berpengalaman.

Mereka yang terbabit ialah Ghazali Abu Noh (Pelakon Teater Terbaik 1964, pelakon TV), Mohd Zan Ayob (Pelakon Teater Terbaik 1997, 1999), Zainor Rahim (Pelakon Teater Terbaik 1999, pelakon TV), Julieyati Abd Jalal (Pelakon Teater Wanita Terbaik 1997, 1998) dan Zainal Isnin (Pengarah Teater Terbaik 1991, pelakon TV).

Nasir sendiri dipilih Pengarah Teater Terbaik 1982, 1984, 1985; Pelakon Teater Terbaik 1982, 1984; pelakon TV dan filem. Selain itu, dua pelakon televisyen Mahathir Hussin dan Norhaiza Mohd Salleh turut berlakon.

"Semangat kita untuk bermain teater melebihi segala-galanya, walaupun peruntukan tidak banyak dan boleh dikatakan kita bergantung kepada tiket semata-mata. Kita mahu memeriahkan dunia teater kita," katanya.

Konvensyen Gila terbitan Grup Teater Kreatif Kuala Lumpur akan dipentaskan di Auditorium Utama Matic, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, mulai 15 hingga 17 Oktober. Dalam Pesta Drama Majlis Teater Wilayah Persekutuan pada 1990, teater ini memenangi anugerah pengarah terbaik, pelakon lelaki terbaik, pelakon pembantu lelaki terbaik, set terbaik, teknik terbaik dan drama terbaik.

Bagaimanapun, kata Nasir, dia amat berterima kasih atas kerjasama Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Kuala Lumpur serta Majlis Teater Kuala Lumpur kerana meringankan bebanan mereka. Selain itu, Ambang Klasik turut menghulurkan bantuan.

Tiket berharga RM10 boleh didapati di pintu masuk. Setiap pemilik tiket berpeluang mendapatkan potongan harga gerai milik Ambang Klasik. Artis mereka juga turut berada di tempat itu.

Menurut Nasir, memandangkan pementasan teater ini untuk menghiburkan pengunjung, mereka sengaja memilih naskhah komedi.

Konvensyen Gila karya Nasir sendiri memaparkan Persatuan Orang Gila Malaysia berada di Kuala Lumpur untuk mengadakan mesyuarat. Mereka membincangkan pelbagai penyakit gila yang melanda orang ramai, tidak terhad mental, malah gila kuasa, gila judi dan pelbagai macam gila.

(END)